



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Zainal Kling. (1989). Kebudayaan Melayu Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 1-44

KEBUDAYAAN MELAYU SARAWAK

Zainal Kling.

Kertas ini akan membincangkan beberapa aspek dari persoalan yang berkait dengan orang Melayu Sarawak seluruhnya dengan tumpuan khas terhadap aspek berikut:

- a. sebaran penduduk dan ekologi,
- b. sejarah,
- c. sistem kepimpinan,
- d. sistem ekonomi,
- e. sistem sosial
- f. sistem agama
- g. sistem nilai

Segala aspek ini bukanlah keseluruhan dari corak hidup atau kebudayaan Melayu Sarawak. Banyak lagi bidang yang mesti dikaji dan diteliti untuk mencapai taraf pengetahuan lengkap apalagi untuk mencapai taraf yang terperinci. Dalam ruang yang terbatas dan waktu yang terhad tumpuan diberikan kepada aspek yang unggul serta utama dari segi perkembangan dan pembangunan manusia masakini.

Matlamat utama kertas ini ialah untuk mengemukakan aspek-aspek masyarakat dan budaya yang dapat menjadisas perkembangan selanjutnya masyarakat Melayu dan negeri Sarawak seluruhnya. Untuk maksud itu maka perlu diperhatikan bukan sekadar ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan yang sedia ada bahkan lebih utama ialah sejauh mana ciri-ciri itu dapat digembeling sebagai asas dan dorongan untuk kemajuan selanjutnya. Dengan demikian maka perlu pula dilihat persoalan masyarakat dan mendekati masalah itu dengan matlamat untuk mencari daya dan tenaga kemasyarakatan dan kebudayaan yang dapat dipergunakan bagi kemajuan serta pembangunannya.

KEBUDAYAAN MELAYU SARAWAK

oleh

Zainal Kling

PENGENALAN

Kertas ini akan membincangkan beberapa aspek dari persoalan yang berkait dengan orang Melayu Sarawak seluruhnya dengan tumpuan khas terhadap aspek berikut:

- a. sebaran penduduk dan ekologi,
- b. sejarah,
- c. sistem kepimpinan,
- d. sistem ekonomi,
- e. sistem sosial
- f. sistem agama
- g. sistem nilai

Segala aspek ini bukanlah keseluruhan dari corak hidup atau kebudayaan Melayu Sarawak. Banyak lagi bidang yang mesti dikaji dan diteliti untuk mencapai taraf pengetahuan lengkap apalagi untuk mencapai taraf yang terperinci. Dalam ruang yang terbatas dan waktu yang terhad tumpuan diberikan kepada aspek yang unggul serta utama dari segi perkembangan dan pembangunan manusia masakini.

Matlamat utama kertas ini ialah untuk mengemukakan aspek-aspek masyarakat dan budaya yang dapat menjadi asas perkembangan selanjutnya masyarakat Melayu dan negeri Sarawak seluruhnya. Untuk maksud itu maka perlu diperhatikan bukan sekadar ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan yang sedia ada bahkan lebih utama ialah sejauhmana ciri-ciri itu dapat digembeling sebagai asas dan dorongan untuk kemajuan selanjutnya. Dengan demikian maka perlu pula dilihat persoalan masyarakat dan mendekati masalah itu dengan matlamat untuk mencari daya dan tenaga kemasyarakatan dan kebudayaan yang dapat dipergunakan bagi kemajuan serta pembangunannya.

Di samping penegasan terhadap keperluan untuk membangun masyarakat maka perlu juga diperhatikan kaedah atau metodologi yang akan digunakan dalam usaha memahami proses kemasyarakatan dan kebudayaan itu. Sains sosial telah memaparkan berbagai-bagai paradigm atau

rangka pemikiran dalam usaha menghurai dan menjelaskan perjalanan sistem masyarakat dan kebudayaan. Seorang ahli sains sosial akan memilih kaedah atau rangka yang terdekat dengan keyakinannya untuk menggambarkan keadaan masyarakat dan menjelaskan tabii masyarakat itu menurut rangka pemikiran itu. Demikianlah saya mendekati persoalan masyarakat Sarawak terutama masyarakat Melayu ini dengan menggunakan paradigm struktur-fungsional kerana kaedah lain akan hanya mengemukakan ciri-ciri yang pada anggapan saya tidak dapat memberi sumbangan positif terhadap keperluan masyarakat dan negeri Sarawak masakini. Dengan kaedah ini maka apa yang akan diperhatikan ialah dua tahap perhubungan dalam dan luar masyarakat Melayu:

- i. perhubungan dan perkaitan antara ciri-ciri sosio-budaya sebagai satu kesatuan yang menyeluruh dan saling berfungsi membentuk satu masyarakat Melayu dengan sifat dan cirinya sendiri.
- ii. perhubungan dan perkaitan antara pelbagai sistem masyarakat dan budaya yang terdapat di Sarawak sebagai suatu kesatuan dalam wilayah negeri.

Kedua-dua aspek penelitian dan pemerhatian ini penting kerana pada satu pihak kita melihat betapa masyarakat dan budaya Melayu di Sarawak itu adalah satu kewujudan yang tersendiri, yang lengkap dan berfungsi tanpa terlalu perlu bergantung kepada masyarakat dan budaya lain. Di samping itu kita tidak pula dapat menafikan betapa perkembangan masakini telah melahirkan suatu suasana di mana setiap bahagian negara dan negeri adalah saling bertemu dan bertembung untuk membentuk pula sistem kemasyarakatan dan kebudayaan yang lebih luas dan bersifat pelbagai. Maka kepelbagaian yang lebih luas dan besar inilah yang banyak mempengaruhi serta memberi kesan terhadap perkembangan masyarakat kecilan di dalamnya. Justeru itu amat wajar kita meneliti bukan sahaja kekuatan atau dinamik dalam budaya kecilan bahkan juga pergolakan dalam sistem yang lebih besar kerana kedua-duanya adalah amat berkait erat untuk melahirkan corak hidup kita di Malaysia masakini.

Pendekatan sejarah pula perlu untuk melihat perkembangan yang berlaku dan kelanjutan masyarakat sebagai asas pembentukan negara dan bangsa masakini. Hujah sejarah memberikan suatu 'legitimacy' kepada berbagai persoalan yang berlaku masakini.

EKOLOGI DAN SEBARAN PENDUDUK

Pada umumnya negeri Sarawak terbagi kepada tiga jenis alam sekitar atau ekologi menurut bentuk muka buminya. Dipandang dari laut mengarah ke daratan maka terdapat zon atau ekologi yang bersifat

- i. pantai dan pesisir berpayau,
- ii. pedalaman yang landai dan
- iii. ulu yang berbukit dan bergunung di samping sekian banyak sungai yang besar dan panjang membelah permukaan bumi itu hingga ke ulu.

Setiap jenis alam sekitar ini ternyata pula secara tradisi menanggung satu jenis kehidupan atau kelompok manusia yang mengembangkan corak hidup mereka sendiri secara terpisah antara satu sama lain. Perhubungan antara